



# **MODUL PINTAS TINGKATAN 5**

Peperiksaan Percubaan Tahun 2019

Skema Jawapan Bahasa Melayu

Kertas 2 1103/2

SULIT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019**

**1103/2(PP)**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

**Ogos**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **13** halaman bercetak.

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
 (b) Bahasa - **10** markah

- (a) **Isi** [20 markah]

**Nota**

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:  
 - nama khas  
 - perkataan berulang  
 - penggunaan kata depan *di* dan *ke*  
 - tarikh  
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan  
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	<b>16</b>	
(iv)Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

## Soalan 1 : Rumusan

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 - 11	06 - 07 04 - 06	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan**

P1	Petikan membincangkan keperluan-keperluan asas menjadi usahawan berjaya di negara kita.	2m
P2	Rumusan membincangkan keperluan-keperluan asas menjadi usahawan berjaya dan kekangannya.	2m
P3	Petikan membincangkan keperluan-keperluan asas menjadi usahawan berjaya dan personaliti usahawan yang terkemuka.	2m

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

S1	seseorang usahawan tersebut perlu menetapkan jangkaan yang realistik.	2m
S2	Seseorang usahawan juga perlu memberikan nilai tawaran yang jelas	2m
S3	para usahawan perlu menawarkan produk yang unik	2m
S4	menyediakan produk atau perkhidmatan yang memberikan nilai yang terbaik	2m
S5	berani meneroka pasaran yang berskala besar	2m
S6	mengusaha produk yang bersifat monopoli dan sukar diperolehi	2m
S7	usahawan juga perlu membentuk pelan perniagaan yang berdaya maju	2m
S8	dapat menarik pelanggannya secara berkesan	2m

**Isi Tersirat – (Kesan) [4 hingga 12 markah]**

T1	Melahirkan usahawan yang kreatif.	2m
T2	Usahawan lebih berdaya saing.	2m
T3	Mengurangkan masalah pengangguran.	2m
T4	Membekalkan produk yang diperlukan oleh masyarakat.	2m
T5	Meningkatkan ekonomi / pendapatan negara.	2m
T6	Meningkatkan produktiviti negara.	2m

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, para usahawan hendaklah sentiasa bersedia sedia untuk menjadi usahawan berjaya agar dapat memberi sumbangan kepada negara.

- 2m

Kesimpulannya, semua pihak haruslah membantu usahawan yang berjaya agar melahirkan banyak usahawan bertaraf antarabangsa.

- 2m

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:Soalan 2 (a) : **9** markahSoalan 2 (b) : **9** markahSoalan 2 (c) : **8** markahSoalan 2 (d) : **9** markah**Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *berdasarkan realiti*  
- berasaskan/berpandukan kenyataan/hakikat  
[2 markah]
- (ii) Beberapa hasil kaji selidik tentang personaliti usahawan terkemuka ialah;  
P1- berkebolehan untuk memberikan keyakinan  
P2- bertanggungjawab terhadap masyarakat.  
P3- sifat kepimpinan yang berkesan  
P3- kebolehan berkomunikasi yang baik  
[3 markah]  
[isi cukup: 2 isi]
- (iii) Di Malaysia, keusahawanan dalam bidang pertanian kurang mendapat tempat dalam kalangan usahawan muda.  
Pada pendapat anda, bagaimanakah bidang ini boleh menarik usahawan muda untuk mencerburi bidang tersebut?  
P1- Kerajaan menyediakan bantuan/ kewangan/modal.  
P2- Kerajaan memberikan sokongan dari aspek material dan khidmat nasihat.  
P3- Kerajaan melalui agensi-agensi tertentu menganjurkan kursus usahawan pertanian  
P4- Menyemarakkan ‘Kempen Pertanian Ialah Satu Perniagaan’ melalui media massa  
P5- Memperkasakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian.  
[4 markah]  
[isi cukup: 3 isi]

**Soalan 2(b) - Petikan Prosa Moden - Cerpen**

- (i) Rakyat berada dalam keadaan bahaya kerana  
P1 sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport  
P2 terdapat ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif  
P3 terlalu bergantung pada beras, ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran import  
[maksimum: 2 markah]  
[isi cukup: 2 isi]
- (ii) Usaha-usaha untuk merancakkan industri pertanian  
P1 Pihak kerajaan boleh menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap sektor pertanian  
P2 Pihak kerajaan mewujudkan strategi pemasaran yang lebih berkesan  
P3 Memperkenalkan teknologi moden untuk menggandakan hasil pengeluaran  
P4 Pihak bank menyediakan pinjaman dengan kadar bayaran yang rendah untuk petani  
[maksimum: 3 markah]  
[isi cukup: 2 isi]

(iii) Satu persoalan daripada **petikan**

**P1 Persoalan tentang kepentingan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan.**

Rakyat terutama siswazah yang menganggur boleh menjadikan pertanian sebagai salah satu bidang pekerjaan yang boleh diceburi.

[ 1+ 1 ]

**P2 Persoalan tentang sikap masyarakat yang tidak memanfaatkan tanah terbiar**

Sikap rakyat negara ini yang tidak memanfaatkan tanah terbiar yang banyak terdapat di negara ini. Tanah terbiar dibiarkan begitu sahaja tanpa diusahakan dengan aktiviti pertanian contohnya.

[ 1 + 1 ]

Satu persoalan daripada **keseluruhan cerpen**

**P1 Persoalan keberanian menuntut hak.**

Sebagai contoh Hakim berani menuntut tanah milik datuknya dengan memfailkan kes di mahkamah melalui sahabatnya, Azam.

[ 1+1 ]

**P2 Persoalan memahami selok belok bidang keusahawanan.**

Sebagai contoh Hakim mendapat bantuan agensi kerajaan sebelum menjalankan bidang penternakan ayam yang dirancangnya.

[ 1+1 ]

**P3 Persoalan ketaatan terhadap pemerintah.**

Sebagai contoh Kaduk mentaati perintah raja dengan menukarkan ayam Kunani dengan ayam raja atas perintah baginda semasa bersabung ayam.

[ 1+1 ]

**P4 Persoalan penindasan golongan yang berkuasa terhadap golongan yang lemah.**

Sebagai contoh, syarikat RAJA mengambil kesempatan dengan menentukan harga dedak dan ubat ayam ternakan sehingga menyebabkan Hakim menanggung beban hutang.

[ 1+1 ]

\*Terima jawapan lain yang relevan



**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

- (i) Maksud *berlengkap akan mengeluari*  
 -bersiap sedia untuk menentang  
 -bersedia menentang  
 -bersiap untuk menentang  
 -*berlengkap akan* menentang  
 -*berlengkap* untuk *mengeluari*  
 -bersedia *mengeluari*  
 -bersiap sedia *mengeluari*

2m  
 2m  
 2m  
 1m  
 1m  
 1m  
 1m

[maksimum: 2 markah]

- (ii) **Tindakan** Sultan Melaka

P1 - menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap  
 P2 - bersiap sedia mengeluari orang Siam  
 P3 - menitahkan Seri Bija Diraja dan segala hulubalang  
 mengiringi Bendahara Paduka Raja.

[maksimum: 3 markah]

[isi cukup: 2 isi]

- (iii) Ciri-ciri pemimpin yang ideal

P1 - Bijaksana dan berkebolehan dalam menyelesaikan masalah  
 P2 - Berani dan bersungguh dalam menyahut cabaran dan  
 permasalahan  
 P3 - Berinisiatif untuk melakukan sebarang tindakan tanpa  
 menunggu arahan  
 P4 - Kreatif dalam menyelesaikan sesuatu isu  
 P5 - Bersedia menerima dan memberi pendapat  
 P6 - Mempunyai kebolehan berkomunikasi  
 P7 - Mempunyai jati diri yang unggul/adil/amanah/saksama/bertanggungjawab

[maksimum: 3 markah]

[isi cukup: 2 isi]

**\*Terima jawapan lain yang relevan**

**Soalan 2 (d) – Puisi Moden**

- (i) Doa yang dimohon penyajak daripada Yang Esa ialah;  
 P1- Penyajak berdoa kepada Allah SWT agar dia menjadi manusia yang taat.  
 P2- Penyajak juga akan mengikut segala perintah Allah SWT.  
 P3- Penyajak berharap agar dia tidak lupa bahawa hidup di dunia ini hanya sementara.
- [2 markah]  
[isi cukup: 2 isi]
- (ii) Cara-cara yang boleh dilakukan oleh mereka yang telah insaf dan bertaubat ialah:  
 P1 - Belajar agama dengan guru-guru agama.  
 P2 - Mendapatkan nasihat dari orang yang arif/berpengalaman  
 P3 - Bergaul dengan rakan yang positif  
 P4 - Menghadiri majlis-majlis ilmu di masjid
- [3 markah]  
[isi cukup: 2 isi]
- (iii) Tema yang terdapat dalam sajak tersebut ialah;
- P1- Bertemakan ketuhanan dan ketaatan kepada perintah agama.  
 Contohnya, penyajak insaf akan dosa-dosanya dan memohon keampunan kepada Tuhan.
- [1+1]
- P2- Beliau bertaubat untuk tidak mengulangi dosanya dan memohon agar Tuhan menunjukkan jalan yang benar kepadanya.  
 Contohnya penyajak bertaubat dengan mengalirkan air mata keinsafan dan ikhlas memohon keampunan Allah SWT.
- [1+1]
- P3- Penyajak yang insaf bersyukur kerana dipanjangkan umur.  
 Contohnya, penyajak sedar masanya semakin suntuk dan penyajakberharap agar segala dosanya diampunkan sebelum dia menemui ajal.
- [1+1]
- [4 markah]

**Soalan 3**

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Soalan 3(a)

Bil	Perkataan	Maksud kata
(i)	<i>rasmi</i>	<i>disahkan oleh kerajaan atau yg berkuasa, (yg) diisytiharkan (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dll: bahasa ~; ejaan ~; kenyataan ~; pakaian ~; resit ~; tugas ~; upacara ~; rasmi-rasmian bersifat rasmi: majlis yg ~; merasmikan mengisytiharkan (melantik, menentukan, menetapkan, mengesahkan, dll) dgn rasminya: ~ pameran lukisan; ~ pembukaan sekolah; kerasmian perihal rasmi: bahasa Melayu akan sanggup menggantikan bahasa Inggeris dlm segala lapangan ~ dan keilmuan; perasmian pengisytiharan (pelantikan, penentuan, penetapan, pengangkatan, pengumuman, dll) yg rasmi: masa transisi sesudah ~ ejaan itu akan mengurangi kerugian yg mungkin dideritai; ~ lantikan panitia Bahasa Melayu-Indonesia</i>
(ii)	<i>jarang</i>	<i>1 tidak kerap atau tidak rapat; bersela; renggang: gigi ~; kain ~. 2 tidak lebat atau tidak padat: Rambutnya ~. 3 = jarang-jarang tidak selalu atau tidak sering; tidak lazim: Ia ~ datang ke rumahku. Perkataan itu ~ digunakan. menjarangkan membuat supaya jarang atau renggang</i>
(iii)	<i>maksimum</i>	<i>jumlah yg sebanyak-banyaknya, paras dsb yg setinggi-tingginya: dgn ~nya pengeluaran ekonomi, maka lebih banyak-lah barang-barang yg boleh dibahagi-bahagikan antara rakyat; memaksimumkan menjadikan sebanyakbanyaknya (setinggi-tingginya): ~ pengeluaran kelapa sawit; ~ kadar pertumbuhan ekonomi; pemaksimuman perihal (usaha, proses, dsb) memaksimumkan sesuatu: matlamat penge-luaran eksport akan digerakkan dgn meng-ambil ingatan tentang ~ pendapatan petani dan bukan semestinya ~ pendapatan negara</i>

[6 markah]

Soalan 3(b)

Bil	Jawapan Contoh
(i)	"Saya bercadang untuk mengikuti kursus koperasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah," kata Liyana kepada Habibah.
(ii)	"Saya menyokong hasrat kamu itu," kata Habibah kepada Liyana.
(iii)	"Alangkah bagusnya hasrat awak itu kerana awak akan dapat mempelajari ilmu perakaunan dalam kursus itu," kata Habibah kepada Liyana.
(iv)	"Saya bercita-cita untuk menjadi akauntan terkenal dan bekerja di Bank Negara pada suatu hari nanti," kata Liyana kepada Habibah
(v)	"Saya berasa bangga dan awak mampu untuk mencapai hasrat awak itu serta semoga awak berjaya," kata Habibah kepada Liyana.
(vi)	"Terima kasih, Habibah," ucap Liyana

[6 markah]

Soalan 3(c)

Bil	Kesalahan ejaan	Pembetulan	Kesalahan Imbuhan	Pembetulan
(i)	masaalah	masalah	pengcaj	pengecaj
(ii)	kolestrol	kolesterol	peperiksaan	pemeriksaan
(iii)	anti-karat	antikarat	mensemburkan	menyemburkan

[6 markah]

Soalan 3(d)

Bil	Kesalahan penggunaan kata atau istilah	Pembetulan	Kesalahan tatabahasa	Pembetulan
(i)	pelajar	graduan	kepada	untuk
(ii)	pemerhatian	tumpuan	daripada	kepada
(iii)	insan bermodal	modal insan	di	dalam

[6 markah]

Soalan 3(e)

Bil	Peribahasa yang sesuai dengan dialog
(i)	Mencari jalan
(ii)	Bagai aur dengan tebing Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
(iii)	Bulat air kerana pembedung, bulat kata kerana muafakat.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**  
[15 markah]

**Panduan pemarkahan:**  
**Soalan 4(a)**

1. Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri 1 markah bagi setiap yang betul.
4. Beri 1 markah bagi **huraian / contoh** yang lengkap dan jelas.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 3 markah.
7. Markah bahasa diberikan secara *impression*
  - Baik - 3 m
  - Sederhana - 2 m
  - Lemah - 1 m
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa

**4(a) Dua Latar Tempat**

**NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA**

**Kampung Sungai Ramal, Kajang** [ 1 markah ]

Tempat kelahiran Leftenan Adnan dan tempat beliau dibesarkan [ 1 markah ]

Perlawanan bola sepak antara Kampung Sungai Merab dengan Kampung Sungai Ramal kerap diadakan. [ 1 markah ]

**Kem Latihan Haig Lines Port Dickson** [ 1 markah ]

Adnan bersama-sama dengan empat orang rakannya menjalani proses temu duga untuk menjadi askar di situ. [ 1 markah ]

**Pasir Panjang** [ 1 markah ]

Kompeni C di bawah pimpinan Leftenan Adnan memberi tentangan hebat terhadap tentera Jepun sehingga tentera Jepun terpaksa berundur. [ 1 markah ]

**Bukit Candu** [ 1 markah ]

Leftenan Adnan terkorban dan mayatnya digantung di dahan pokok ceri. Mayatnya digantung dengan kepala ke bawah dan ditikam bertalu-talu oleh tentera Jepun. [ 1 markah ]

**\*Terima jawapan lain yang relevan**

**NOVEL TIRANI**

**Rumah Fadhil** [ 1 markah ]

Tempat Fadhil, Raidah dan anak-anaknya, Ghazi dan Waheeda Nurlyana serta cucunya, Izzati tinggal.  
[ 1 markah ]

**Rumah Bazilah, Yishun Street.** [ 1 markah ]

Tempat Waheeda menumpang tinggal sementara dia menjalani rawatan pembedahan mata dan hidungnya di Singapura. [ 1 markah ]

**Chalet Tajau Emas** [ 1 markah ]

Tempat Waheeda mengalami kecederaan pada muka dan hidung akibat digigit dan dicakar oleh monyet Belanda yang meluru masuk secara tiba-tiba. [ 1 markah ]

**SMC, Singapura** [ 1 markah ]

Tempat Waheeda melakukan pembedahan plastik pada wajahnya. [ 1 markah ]

**Flamingo de La Rossa** [ 1 markah ]

Tempat Waheeda bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Awam . [ 1 markah ]

**\*Terima jawapan lain yang relevan**

Isi -4

Bahasa -3

Jumlah -7 markah

**Soalan 4(b)**

- 1) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari di tingkatan empat dan di tingkatan lima.
- 2) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- 3) Beri 3 markah bagi setiap **huraian peristiwa** yang betul untuk setiap pernyataan.
- 4) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap isi).
- 5) Markah bahasa maksimum 2.
- 6) Markah bahasa diberi secara *impression*  
Baik : 2 markah  
Lemah : 1 markah
- 7) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- 8) Calon tidak menjawab 0 markah.

**4 (b) Teknik Pemerian****NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA****Teknik Pemerian**

Pengarang menggambarkan watak utama iaitu Adnan yang menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Dia berlagak seperti Hang Tuah yang menikam musuhnya. Pak Saidi yang baru pulang dari kebun tersenyum melihat telatah anaknya itu.

[ 3 markah ]

**NOVEL TIRANI****Teknik Pemerian**

Pengarang memerihalkan upacara menyarung cincin perkahwinan pengantin lelaki di jari pengantin perempuan. Waheeda tersenyum megalu-alukan Makcik Hazimah ibu saudara Zahid lalu menghulurkan tangan kanannya. Kemudian Makcik Hazimah menyarungkan cincin pemberian Zahid di jari Waheeda. Waheeda mencium tangan suaminya, Zahid lalu Zahid merapatkan wajahnya ke hadapan dan mencium dahi isterinya.

[ 3 markah ]

**\*Terima jawapan lain yang relevan**

Isi - 6  
Bahasa - 2  
Jumlah 8 markah

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**